

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(IV)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU UBAN
YB. KUMARESAN A/L ARAMUGAM**

24. Pembangunan sukan di Pulau Pinang

- (a) Berapakah peruntukan setahun untuk Majlis Sukan Negeri?
- (b) Apakah sasaran untuk Sukan Malaysia (SUKMA) 2018?
- (c) Apakah insentif dan program untuk pembangunan atlet?

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. (a) Kerajaan Negeri menyalurkan sejumlah RM5,568,000.00 kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) setiap tahun. Perincian peruntukan bagi tahun 2018 adalah seperti berikut :

BUTIRAN PERUNTUKAN	2018 (RM)
Perbelanjaan Mengurus Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang	4,300,000.00
Perbelanjaan Sukan Untuk Semua	268,000.00
Perbelanjaan Sukan Malaysia (SUKMA)	1,000,000.00
JUMLAH	5,568,000.00

- (b) Sasaran utama kontinjen Negeri Pulau Pinang di Sukan Malaysia (SUKMA) XIX Perak 2018 adalah untuk mengatasi sasaran pungutan pingat emas semasa Sukan Malaysia (SUKMA) XVIII Sarawak 2016 iaitu 26 pingat emas dan meletakkan Negeri Pulau Pinang di kedudukan 5 buah negeri terbaik. Sasaran pungutan pingat emas akan hanya diumumkan semasa Majlis Penyerahan Bendera Pulau Pinang kepada Kontinjen Negeri Pulau Pinang yang dijadualkan berlangsung pada 5 September 2018.
- (c) Antara program dan insentif yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam pembangunan atlet termasuk :
 - (i) Melaksanakan Program Latihan Terancang atlet-atlet Sukan Negeri Pulau Pinang;
 - (ii) Mencungkil dan melahirkan atlet-atlet gemilang yang baru;
 - (iii) Program Pembangunan Sukan di Peringkat Daerah;
 - (iv) Perlaksanaan dan pemantauan latihan oleh jurulatih sukan negeri melalui perancangan tahunan (*Periodization Plan*);
 - (v) Pendedahan ke pertandingan dalam dan luar negara;
 - (vi) Menaik taraf peralatan latihan dan pertandingan sukan;
 - (vii) Pemberian Makanan Tambahan (*Food Supplement*) untuk meningkatkan tahap kecergasan atlet;
 - (viii) Program Atlet Elit Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang;

- (ix) Pembayaran elaun latihan SUKMA;
- (x) Pengiktirafan kepada atlet yang cemerlang di Majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang; dan
- (xi) Pengiktirafan berbentuk kewangan di bawah Skim Kemenangan Sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (SKIMAS).